

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Untuk memudahkan perbincangan, analisa dapatan kajian ini dibuat berdasarkan kepada tajuk-tajuk berikut ;

- a. latar belakang sampel
- b. tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru
- c. tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru
- d. tahap komitmen guru terhadap kerjaya guru
- e. punca tekanan kerja guru
- f. perbezaan tahap tekanan guru berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar
- g. perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar
- h. perbezaan tahap komitmen guru berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar

#### **4.2 Latar belakang sampel**

Maklumat latar belakang sampel seperti jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar ditunjukkan dalam jadual 4.1.

**Jadual 4.1**

**Taburan sampel mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar**

Latar belakang sampel	Bilangan (N=150)	Peratus
<b>Jantina :</b>		
Lelaki	40	26.7
Perempuan	110	73.3
<b>Pengalaman mengajar :</b>		
1 - 3 tahun	20	13.3
Lebih daripada 4 tahun	130	86.7
<b>Kelas yang diajar :</b>		
Menengah rendah	55	36.7
Menengah atas	95	63.3

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.1, 26.7 peratus guru yang terlibat adalah terdiri daripada guru lelaki dan 73.3 peratus adalah guru perempuan. Dari segi pengalaman mengajar, 13.3 peratus adalah terdiri daripada guru yang

mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan 86.7 peratus merupakan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun. Dilihat kepada kelas yang diajar, 36.7 peratus adalah guru yang mengajar di kelas menengah rendah dan 63.3 peratus mengajar di kelas menengah atas.

#### **4.3 Tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru**

Bagi menentukan tahap tekanan yang dialami oleh guru, sebanyak 30 item telah dikemukakan kepada responden. Responden diminta menyatakan sejauh manakah tahap tekanan yang mereka alami mengikut skala yang diberikan kepada mereka iaitu : 1 untuk tiada tekanan; 2 untuk sedikit tekanan; 3 untuk sederhana tertekan; 4 untuk sangat tertekan; 5 untuk teramat tertekan.

Tahap tekanan ini kamudiannya dikategorikan kepada sedikit tertekan, sederhana tertekan dan tekanan tinggi. Dalam jadual 4.2 dibentangkan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengikut kategorinya.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2, 38.7 peratus guru menyatakan mengalami sedikit tertekan, 46.7 peratus menyatakan mengalami sederhana tertekan dan 14.7 peratus menyatakan mereka mengalami tekanan yang tinggi.

Pada keseluruhannya, data yang diperolehi menunjukkan bahawa guru yang mengalami tekanan yang sederhana menunjukkan peratus yang paling tinggi berbanding guru yang mengalami tekanan yang sedikit dan tekanan yang tinggi. Namun demikian, peratus guru yang mengalami tekanan yang tinggi adalah lebih rendah berbanding guru yang mengalami tekanan yang sedikit.

**Jadual 4.2**

**Tahap tekanan yang dialami oleh guru**

Tahap tekanan	Bilangan	Peratus
Sedikit tertekan	58	38.7
Sederhana tertekan	70	46.7
Tekanan tinggi	22	14.7
<b>JUMLAH</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

**4.4 Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru**

Untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru, sebanyak 18 item telah dikemukakan kepada responden. Responden diminta

menyatakan sejauh manakah tahap kepuasan yang mereka alami berdasarkan skala berikut ;1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = tidak pasti; 4 = setuju; 5 = sangat setuju.

Tahap kepuasan yang telah ditandakan kamudiannya dikategorikan ke dalam dua kategori iaitu rendah dan tinggi. Jadual 4.3 menunjukkan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut kategori.

**Jadual 4.3**

**Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru**

Tahap kepuasan kerja	Bilangan	Peratus
Rendah	65	43.3
Tinggi	85	56.7
JUMLAH	150	100.0

Seperti yang dapat dilihat dalam jadual 4.3, 43.3 peratus guru menyatakan mengalami kepuasan kerja pada tahap rendah dan 56.7 peratus guru menyatakan mengalami tekanan pada tahap tinggi. Ini menunjukkan peratus guru yang

menyatakan tahap kepuasan kerja yang tinggi adalah lebih besar berbanding peratus guru yang menyatakan tahap kepuasan rendah.

#### 4.5 Tahap komitmen guru

Responden diminta menyatakan sejauh manakah tahap komitmen mereka dalam profesi perguruan. Responden dikehendaki menjawab ‘ya’ sekiranya memilih untuk kekal dalam profesi perguruan atau ‘tidak’ sekiranya tidak ingin memilih profesi perguruan buat kali kedua.

**Jadual 4.4**  
**Tahap komitmen guru**

Komitmen guru	Bilangan	Peratus
Ya	114	76
Tidak	36	24
<b>JUMLAH</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.4 menunjukkan 76 peratus guru menyatakan bahawa mereka akan kekal untuk memilih profesion guru sebagai kerjaya mereka dan 24 peratus guru menyatakan tidak. Sebagai kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa sebahagian besar guru menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap profesion guru di mana peratus guru yang memilih untuk meneruskan kerjaya guru adalah lebih tinggi berbanding guru yang menyatakan tidak.

#### **4.6 Punca tekanan kerja guru**

Iventori Tekanan Kerjaya Untuk Guru digunakan untuk mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan tekanan kerja di kalangan guru sekolah. Sebanyak 30 item telah dikemukakan kepada responden. Item ini menyentuh beberapa aspek yang berkaitan dengan pelajar, keadaan mengajar, persekitaran dan pentadbiran sekolah. Responden diminta menandakan sejauh manakah tahap tekanan yang mereka alami mengikut skala iaitu skala 1 (tiada tekanan), skala 2 (sedikit tekanan), skala 3 (sederhana tertekan), skala 4 (sangat tertekan), skala 5 (teramat tertekan).

Berdasarkan skala berkenaan, tahap tekanan yang dialami oleh guru diperolehi dan disusun mengikut kategori di bawah ;

Skor min 1 - 2 = tekanan rendah

Skor min 2 - 3 = sederhana tertekan

Skor min 3 - 4 = tekanan tinggi

Skor min 4 - 5 = teramat tertekan

Jadual 4.5 menunjukkan senarai punca-punca yang membawa tekanan kerja mengikut susunan skor min dari yang paling tinggi kepada skor min yang paling rendah.

$$mn = \frac{30}{2}$$

**Jadual 4.5**  
**Punca-punca tekanan**

No.	Item	Punca tekanan	min
19	Terlalu banyak kerja pengkeranian		2.9
1	Terpaksa menangani pelajar-pelajar yang berkelakuan buruk		2.7
2	Sikap buruk pelajar terhadap kerja		2.6
10	Terpaksa mengajar kelas yang besar		2.6
15	Kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat Daripada jadual waktu yang berat		2.5
4	Ramai pelajar tidak datang ke kelas dengan bahan-bahan yang diperlukan		2.4
14	Kebisingan dan gangguan lain dari kelas-kelas sebelah		2.4
16	Kesukaran menangani dengan berkesan tugas bilik darjah disebabkan oleh tanggungjawab lain yang diberikan		2.4
17	Kekurangan masa untuk menyempurnakan Penyediaan dan penyemakan pelajaran		2.4

29	Kemudahan yang serba kekurangan di bilik guru atau sekolah	2.4
30	Kelewatan kenaikan pangkat	2.4
5	Dasar disiplin sekolah yang serba kekurangan	2.3
6	Gaji yang kurang	2.3
8	Kekurangan peluang untuk maju dalam profesion	2.3
9	Kekurangan sumber untuk mengajar	2.3
25	Terpaksa mengajar sesuatu mata pelajaran yang anda tidak pernah dilatih	2.3
12	Kesukaran untuk menghabiskan sukanan pelajaran Dalam masa yang diperuntukkan	2.2
13	Kekurangan kerjasama daripada pihak ibu bapa	2.2
23	Kekurangan masa untuk menangani hal-hal peribadi atau keluarga	2.2
3	Berasa susah memberi motivasi kepada pelajar	2.2
22	Keengganan guru besar menegur atau menyiasat kes-kes salah laku serius yang dilaporkan	2.2
21	Kekurangan peluang untuk mencuba idea-idea baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran	2.1
24	Ancaman keganasan fizikal daripada pelajar-pelajar	2.1
28	Keengganan guru besar berhadapan dengan ibu bapa	2.1
26	Rentak hari persekolahan terlalu cepat	2.1
27	Tidak ditugaskan untuk mengajar pelajar daripada kelas-kelas yang anda suka	2
20	Terpaksa mengambil alih pelajaran guru yang tidak hadir	1.9

7 Terpaksa mematuhi keputusan pihak pentadbiran sekolah yang dibuat tanpa berunding dengan guru 1.8

18 Kekurangan ruang bilik darjah untuk kerja kumpulan 1.8

---

Daripada tiga puluh item yang dikemukakan, tidak terdapat item yang mencatatkan skor min di tahap tekanan tinggi atau teramat tinggi. Walau bagaimana pun didapati sebahagian besar item iaitu sebanyak 26 item mencatatkan skor min ditahap sederhana tertekan. Daripada 26 item ini, lima item dianggap sebagai punca utama yang membawa tekanan kepada guru. Item-item ini memperolehi skor min yang tertinggi iaitu antara 2.5 – 2.9. Item tersebut ialah item 19 iaitu ‘terlalu banyak kerja pengkeranian’ (2.9). Item 4.5 iaitu ‘terpaksa menangani pelajar-pelajar yang berkelakuan buruk’ (2.7). Item 2 iaitu ‘sikap buruk pelajar terhadap kerja’ (2.6). Item 10 ‘terpaksa mengajar kelas yang besar’ (2.6) dan item 15 ‘kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat’ (2.5).

Selain daripada itu, terdapat tujuh item yang juga boleh dianggap sebagai punca tekanan kepada guru yang mencatat min skor 2.4, iaitu skor min di tahap sederhana tertekan. Item tersebut ialah item 4 ‘Ramai pelajar tidak datang ke kelas dengan bahan-bahan yang diperlukan’, item 11 ‘Tepaksa mengajar kelas-kelas yang mempunyai kebolehan yang berbeza’, item 14 ‘Kebisingan dan gangguan lain dari kelas-kelas sebelah’, item 16 ‘Kesukaran menangani dengan berkesan tugas

bilik darjah disebabkan oleh tanggungjawab lain yang diberikan', item 17 'Kekurangan masa untuk menyempurnakan penyediaan dan penyemakan pelajaran', item 29 'Kemudahan yang serba kekurangan di bilik guru atau sekolah' dan item 30 'Kelewatan kenaikan pangkat.'

Manakala terdapat empat item yang memperolehi skor min di tahap sedikit tertekan yang mendapat skor min antara 1.8–2. Kajian menunjukkan bahawa guru menganggap empat punca ini cuma membawa tekanan yang sedikit. Item-item tersebut ialah item 20 'Terpaksa mengambil alih pelajaran guru yang tidak hadir', item 27 'Tidak ditugaskan untuk mengajar pelajar daripada kelas-kelas yang anda suka' item 7 ' Terpaksa mematuhi keputusan pihak pentadbiran sekolah yang dibuat tanpa berunding dengan guru' dan item 18 'Kekurangan ruang bilik darjah untuk kerja kumpulan'.

Pada keseluruhannya, sebahagian besar daripada item-item ini mencatat skor min di tahap sederhana tertekan. Namun demikian terdapat lima item mencatatkan skor yang tertinggi dan dianggap sebagai punca utama yang boleh membawa tekanan kepada guru. Manakala tujuh item lagi mencatat skor ditahap sederhana dan juga dianggap sebagai punca yang boleh membawa tekanan kepada guru. Walau pun demikian, terdapat juga item-item yang menunjukkan ia bukanlah merupakan perkara yang dianggap sebagai punca utama tekanan kerana item-item ini mencatat skor min di tahap sedikit tekanan.

#### **4.7 Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengikut jantina**

Ujian t telah digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengikut jantina. Jadual 4.6 menunjukkan perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.6, min tahap tekanan kerja bagi guru lelaki ialah 76.1 dengan sisihan lazim 25.8. Bagi guru perempuan, min tahap tekanan yang dialami ialah 65.2 dengan sisihan lazim 18.3. Hasil pengiraan, markat t yang diperolehi ialah 2.44 dan nilai kebarangkaliannya ialah 0.018. Pada aras signifikan 0.05, perbezaan ini adalah signifikan. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan. Ini juga menunjukkan bahawa guru lelaki lebih banyak menghadapi tekanan dalam kerja berbanding guru perempuan.

**Jadual 4.6**

#### **Perbezaan tahap tekanan kerja mengikut jantina**

Jantina (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Lelaki	40	76.1	25.8	2.44	0.018*
Perempuan	110	65.2	18.4		

#### **4.8 < Perbezaan tahap tekanan yang dialami oleh guru mengikut pengalaman mengajar**

Analisa dibuat untuk melihat perbezaan antara tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru yang kurang pengalaman iaitu yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar iaitu yang mengajar lebih daripada 4 tahun. Guru yang mengajar lebih daripada empat tahun diletakkan di bawah kategori guru yang mempunyai pemgalaman mengajar kerana mereka sudah mendapat perlantikkan dan pengesahan dalam jawatan guru daripada Pihak Kementerian Pendidikan.

**Jadual 4.7**

#### **Perbezaan tahap tekanan kerja mengikut pengalaman mengajar**

Pengalaman mengajar (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
1-3 tahun	20	67.4	14.2	-0.25	0.80
Lebih drp. 4 tahun	130	68.3	21.9		

Jadual 4.7 di atas menunjukkan min tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru yang mempunyai pengalaman antara 1-3 tahun ialah 67.4 dengan sisihan lazim 14.2.

Bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun tahap tekanan kerja yang dicatatkan ialah 68.3 dengan sisihan lazimnya 21.9. Markat t yang diperolehi ialah -0.25 dan nilai kebarangkaliannya ialah 0.80. Pada aras signifikan 0.05, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan kerja di kalangan guru yang mempunyai pengalaman antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun. Ini menunjukkan pengalaman sama ada sedikit atau banyak tidak membezakan tahap tekanan yang mereka alami.

**4.9 ✕ Perbezaan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar.**

Jadual 4.8 menunjukkan min dan sisihan lazim tahap tekanan yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar iaitu guru yang mengajar di peringkat menengah rendah dan guru yang mengajar di peringkat menengah atas.

**Jadual 4. 8**

**Perbezaan tahap tekanan kerja mengikut kelas yang diajar**

Kelas yang diajar (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Menengah rendah	55	67.6	22.2	-0.25	0.80
Menengah atas	95	68.5	20.5		

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.8, min tahap tekanan yang dialami oleh guru yang mengajar di peringkat menengah rendah ialah 67.6 dengan sisihan lazimnya 22.2. Min tahap tekanan kerja bagi guru yang mengajar di peringkat menengah atas ialah 68.5 dengan sisihan lazim 20.5. Markat t yang dicatatkan ialah -0.25 dan nilai kebarangkaliannya 0.80. Hasil pengiraan ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar pada aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan bahawa kategori kelas yang diajar oleh guru tidak menentukan perbezaan tahap tekanan yang dialami oleh guru.

#### **4.10 Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut jantina**

Jadual 4.9 menunjukkan perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan.

**Jadual 4. 9**  
**Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut jantina**

Jantina (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Lelaki	40	55.1	5.5	1.11	0.27
Perempuan	110	53.9	5.7		

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.9, min tahap kepuasan kerja bagi guru lelaki ialah 55.1 dengan sisihan lazim 5.5. Bagi guru perempuan, min tahap kepuasan kerja yang dicatatkan ialah 53.9 dengan sisihan lazim 5.7. Markat t yang diperolehi ialah 1.11 dan nilai kebarangkaliannya ialah 0.27. Pada aras signifikan 0.05, perbezaan ini adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan.

#### **4.11 Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut pengalaman mengajar**

Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut pengalaman mengajar diperolehi dengan menggunakan ujian t. Jadual 4.10 menunjukkan min dan sisihan lazim tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru yang mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun.

**Jadual 4.10**

#### **Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut pengalaman mengajar**

Pengalaman mengajar Bil (N=150)	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
1-3 tahun	20	52.5	9.4	-0.95
Lebih drp. 4 tahun	130	54.5	4.8	0.35

Daripada jadual yang ditunjukkan didapati markat t yang dicatatkan ialah -0.95 dan nilai kebarangkaliannya 0.35. Pada aras signifikan 0.05, perbezaan adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun.

#### **4.12 Perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar**

Untuk melihat perbezaan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar, ujian t telah digunakan. Seperti yang dapat dilihat dalam jadual 4.11, min tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru yang mengajar di peringkat menengah rendah ialah 53.5 dengan sisihan lazim 5.5. Bagi guru yang mengajar di peringkat menengah atas, min tahap kepuasan kerja ialah 54.7 dan sisihan lazim 5.7. Hasil pengiraan, markat t yang diperolehi ialah -1.25 dan nilai kebarangkaliannya ialah 0.21. Pada aras signifikan 0.05, perbezaan ini adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru mengikut kelas yang diajar.

**Jadual 4.11**

**Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut kelas yang diajar**

Kelas yang diajar (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Menengah rendah	55	53.5	55.5	-1.25	0.21
Menengah atas	95	54.7	5.7		

**4.13 ▷ Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina**

Jadual 4.12 menunjukkan perbezaan tahap komitmen terhadap kerjaya guru antara guru lelaki dan guru perempuan.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.12, min tahap komitmen guru lelaki ialah 1.4 dengan sisihan lazim 0.5. Bagi min tahap komitmen guru perempuan yang dicatatkan ialah 1.2 dengan sisihan lazim 0.3. Markat t yang diperolehi ialah 2.90 dan nilai kebarangkaliannya 0.05. Hasil pengiraan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru lelaki dan guru perempuan pada aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan

bahawa guru lelaki lebih menunjukkan tahap komitmen yang tinggi berbanding guru perempuan.

**Jadual 4.12**

**Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina**

Jantina (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Lelaki	40	1.4	0.5		
Perempuan	110	1.2	0.3	2.90	0.005*

**4.14 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut pengalaman mengajar**

Jadual 4.13 menunjukkan perbezaan tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1- 3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun.

Daripada jadual yang ditunjukkan, didapati min tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun ialah 1.1 dengan sisihan lazim 0.3. Bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun, min tahap komitmen yang dicatatkan ialah 1.3 dengan sisihan lazim 0.4. Markat t yang

diperolehi ialah -2.05 dan nilai kebarangkalian yang dicatatkan ialah 0.05. Pada aras signifikan 0.05, perbezaan ini adalah signifikan. Ini memnunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru yang mengajar kurang daripada 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 4 tahun. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun lebih menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kerjaya berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1 - 3 tahun.

**Jadual 4.13**

**Perbezaan tahap komitmen guru mengikut pengalaman mengajar**

Pengalaman mengajar (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
1-3 tahun	20	1.1	0.3	-2.05	0.05*
Lebih drp. 4 tahun	130	1.3	0.4		

**4.15 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut kelas yang diajar**

Jadual 4.14 menunjukkan min dan sisihan lazim tahap komitmen guru mengikut kategori kelas yang diajar.

**Jadual 4.14**

**Perbezaan tahap komitmen guru mengikut kelas yang diajar**

Kelas yang diajar (N=150)	Bil	Min	Sisihan lazim	Nilai t	p
Menengah rendah	55	1.2	0.4	-0.8	0.94
Menengah atas	95	1.2	0.4		

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.14, min tahap komitmen guru yang mengajar di peringkat menengah rendah ialah 1.2 dengan sisihan lazim 0.4. Min bagi tahap komitmen di peringkat menengah atas adalah sebanyak 1.2 dengan sisihan lazim 0.4. Markat t yang diperolehi ialah -0.8 dan nilai kebarangkalian ialah 0.94. Pada tahap signifikan 0.05, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen mengikut kategori kelas yang diajar.